



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,  
Bahagian Perkastaman,  
Aras 4 Utara,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62596 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.



Telefon : +603 8882 2645  
Faksimili : +603 8889 5866  
Laman Web : [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

---

Rujukan Kami : KE.HE(44)001/01-3(A)Kit.13( 81 )  
Tarikh : 27 Syaaban 1438H  
24 Mei 2017

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A**

YBhg. Dato'/Tuan,

**PELAKSANAAN SISTEM DEMERIT EJEN KASTAM**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah melaksanakan kajian Sistem Demerit Ejen Kastam ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pihak ejen bertujuan untuk memperkemarkan lagi pengurusan kawalan ejen kastam yang diluluskan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967.
3. Seksyen 90 Akta Kastam 1967 memperuntukkan bahawa ejen kastam adalah mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pengimport atau pengeksport dalam urusan pelepasan barang-barang dari kawalan kastam yang diberi kebenaran oleh Ketua Pengarah Kastam termasuklah ejen penghantaran, ejen perkapalan dan penghantar fret.
4. Pelaksanaan sistem ini membolehkan prestasi ejen kastam dinilai secara lebih teratur dari aspek pematuhan undang-undang setiap ejen kastam dari semasa ke semasa bagi tujuan seperti berikut:
  - 4.1. Membentuk ejen kastam yang berintegriti, berkualiti, beretika, profesional dan bertanggungjawab dalam menjalankan urusan pelepasan kastam.
  - 4.2. Meningkatkan kesedaran ejen terhadap pematuhan kepada dasar dan perundangan Jabatan dan seterusnya menggalakkan pematuhan secara sukarela.
  - 4.3. Meningkatkan tahap kepercayaan komuniti perdagangan terhadap profesionalisme ejen kastam dan pentadbiran JKDM.

---

**BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT**

---

5. Sistem Demerit Ejen Kastam akan dilaksanakan merangkumi kesalahan-kesalahan seperti berikut iaitu:-

BIL	JENIS KESALAHAN		HUKUMAN	TINDAKAN	DEMERIT
	SEKSYEN	KETERANGAN			
1.	133(1)(d)	Dagangan yang diikrar tidak sama dengan dagangan sebenar dan menukar atau meminda apa-apa dokumen atau tandatangan secara frod.	Denda mahkamah tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya; atau Tindakan kompaun.	Kesalahan akan disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.	Kebenaran ejen dibatalkan jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah atau digantung jika dikenakan tindakan kompaun oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.
2.	133(1)(c)	Memalsukan dokumen.	Denda mahkamah tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya; atau Tindakan kompaun.	Kesalahan akan disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.	Kebenaran ejen dibatalkan jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah atau digantung jika dikenakan tindakan kompaun oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.
3.	135(1)	Melakukan pelbagai kesalahan menyeludup (termasuk kegiatan <i>fly by night</i> ).	Kesalahan pertama: Denda mahkamah tidak kurang dari 10 kali dan tidak lebih dari 20 kali jumlah duti atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya; atau Tindakan kompaun.	Kesalahan akan disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.	Kebenaran ejen dibatalkan jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah atau digantung jika dikenakan tindakan kompaun oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.

BIL	JENIS KESALAHAN		HUKUMAN	TINDAKAN	DEMERIT
	SEKSYEN	KETERANGAN			
			Kesalahan kedua dan seterusnya: Denda mahkamah tidak kurang dari 20 kali dan tidak lebih dari 40 kali jumlah duti atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya; atau Tindakan kompaun.		

6. Kesalahan yang dilakukan oleh ejen kastam boleh dikenakan tindakan kompaun atau mahkamah. Setiap kesalahan seperti di Jadual di atas akan diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Negeri untuk tujuan siasatan. Sekiranya didapati bersalah tindakan pendakwaan di mahkamah atau kompaun akan diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri bergantung kepada keputusan siasatan yang dijalankan.

7. Syarikat dan kakitangan yang telah diberi kebenaran sebagai ejen kastam hendaklah mematuhi semua peruntukan Akta Kastam 1967 dan undang-undang subsidiarinya dan tidak boleh terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa aktiviti yang melanggar peruntukan Akta Kastam 1967 khususnya bagi mengelak pembayaran duti atau larangan secara frod, penyeludupan, pengikraran yang tidak benar serta pelanggaran kod etika ejen kastam.

8. Pelaksanaan ini akan berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan. Sehubungan dengan ini juga surat-surat yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat seperti berikut adalah **dibatalkan** iaitu:-


- 8.1. Surat rujukan KE.HE(44)001/01-3(A)Klt.12( 47 ) bertarikh 15 Mac 2016; dan
- 8.2. Surat rujukan KE.HE(44)001/01-3(A)Klt.13( 65 ) bertarikh 3 Mac 2017.

9. Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan mengadakan kajian keatas Sistem Demerit Ejen Kastam mengikut keperluan dan mengadakan Sesi *engagement* dengan pihak industri bagi tujuan penambahbaikan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HJ. ZULKIFLI BIN YAHYA)**

Timbalan Ketua Pengarah Kastam

(Perkastaman & GST)

b.p. Ketua Pengarah Kastam

Malaysia

s.k

- i. Ketua Pengarah Kastam Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Kastam  
(Penguatkuasaan & Pematuhan)
- ii. Penolong Ketua Pengarah Kastam  
(Penguatkuasaan)
- iv. Pengarah Perundangan Jabatan

**SENARAI EDARAN**

1. Pengerusi  
**Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)**  
No. 16B, 2<sup>nd</sup> Floor, Jalan Kemuja  
Bangsar Utama  
59000 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2284 2000  
Fax: 03-2287 2592
  
2. Presiden  
**Selangor Freight Forwarders & Logistics Association (SFFLA)**  
Wisma SFFLA  
No. 23, Jalan Cemerlang  
42000 Port Klang  
Selangor  
Tel : 03-3168 4363  
Fax: 03-3167 5243
  
3. Presiden  
**Johor Freight Forwarders Association (JOFFA)**  
Wisma JOFFA  
No. 71, Jalan Jaya Mas 1  
Taman Jaya Mas  
81300 Skudai  
Johor Bahru  
Johor  
Tel : 07-512 5900  
Fax: 07-512 5902
  
4. Presiden  
**Johor Ports Shipping And Forwarding Association (JPSFA)**  
19A, Jalan Rosmerah 2/5  
Taman Johor Jaya  
81100 Johor Bahru  
Johor  
Tel: 07-3611361  
Fax: 07-3611361
  
5. Presiden  
**Penang Freight Forwarders Association (PFFA)**  
Block A, Unit 9, MAS Air Cargo Complex  
Penang International Airport, Jalan Garuda  
11900 Pulau Pinang  
Tel : 04- 644 0514  
Fax: 04-644 4932

6.     Presiden  
       **Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)**  
       Wisma AFAPK  
       No. 23, Jalan Cemerlang  
       42000 Port Klang  
       Selangor  
       Tel : 03-3165 3082  
       Fax: 03-3165 3081
  
7.     Presiden  
       **Sarawak Forwarding Agency Association**  
       1st Floor, Lot 8074, Section 64  
       Jalan Pending  
       93450 Kuching  
       Sarawak  
       Tel : 082-484778  
       Fax: 082-484779
  
8.     Presiden  
       **Central Region Shipping Association**  
       149A,149B, 151B, Persiaran Raja Muda Musa  
       42000 Pelabuhan Klang  
       Selangor  
       Tel : 03-31673830  
       Fax: 03-3168 9117
  
9.     Pengerusi  
       **Persatuan Pengusaha Logistik Bumiputera Selangor**  
       No. 50, Wisma SA, Jalan Anggerik  
       Mokara 31/47  
       Kota Kemuning  
       40460 Shah Alam  
       Selangor  
       Tel: 03-5125 0186  
       Fax: 03-5125 0185
  
10.    Presiden  
       **Shipping Association Malaysia (SAM)**  
       C/O No 7, Jalan Jurutera Ui/23  
       Section U1 Hicom Glenmarie Industrial Park  
       40150 Shah Alam  
       Selangor  
       Tel: 03-7883 2600  
       Faks: 03-7806 1707
  
11.    Presiden  
       **Conference of Asia Pacific Express Carriers (CAPEC)**  
       DHL Express (M) Sdn bhd  
       Level 27, Menara TM  
       Jalan Pantai Baharu  
       59200 Kuala Lumpur  
       Tel: 03-2241 8550  
       Faks: 03-2241 3390

12. **Presiden**  
**Labuan Freight Forwarders Association**  
Bumi Bakti Agency  
MPWPL U0102  
1<sup>ST</sup> Floor Jalan Kenanga  
P.O Box 82  
87008 Labuan
  
13. **Presiden**  
**Persatuan Ejen Penghantaran Kota Kinabalu**  
1<sup>st</sup> Floor, No. 8, Lot 20  
Blok C, Hiong Tiong Industrial Centre,  
Mile 7, Jalan Tuaran  
88450 Kota Kinabalu  
Sabah.  
Tel : 088-388575  
Faks : 088-388151
  
14. **Presiden**  
**Persatuan Ejen Penghantaran Sandakan**  
Blok 1 B, 1<sup>st</sup> Floor  
Bandar Leila, Jalan Leila  
90000 Sandakan  
Sabah.  
Tel : 0198137289
  
15. **Presiden**  
**Persatuan Ejen Perkapalan Sabah**  
Lot 25A, Jalan Kilang  
SEDCO Industrial Estate Kolombong  
Mile ½, Jalan Tuaran  
88450 Kota Kinabalu  
Sabah  
Tel: 088-436333  
Fax: 088-434916
  
16. **Presiden**  
**Sarawak Shipping Association**  
D-1-5B, Demak Laut Commercial Centre  
Jalan Bako,  
93050 Kuching  
Sarawak  
Tel / Fax: 082-433681